



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Emel : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

15 Julai 2019

**Kenyataan Media YB Datuk Dr Noraini Ahmad,
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen
merangkap Ahli Parlimen Parit Sulong Mengenai Laporan PAC Parlimen
Berhubung Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Cukai Barang Dan
Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion Oleh Jabatan Kastam
Diraja Malaysia JKDM) Di Bawah Kementerian Kewangan**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC Parlimen berhubung Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di bawah Kementerian Kewangan.
- 2) Isu ini adalah lanjutan daripada kenyataan YB Menteri Kewangan di dalam Dewan Rakyat pada Ogos 2018 yang menyatakan bahawa tuntutan bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion 'dirompak' Kerajaan terdahulu.
- 3) Berikutan itu, PAC Parlimen memulakan prosiding pada 12 September 2018 dengan memanggil semua pihak berkepentingan dalam isu ini termasuk YB Menteri Kewangan, YB Mantan Menteri Kewangan, Mantan Menteri Kewangan II, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah JKDM dan Akauntan Negara.
- 4) Jawatankuasa ini juga mendapat taklimat daripada Ketua Audit Negara berhubung kesahihan tuntutan tunggakan bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion selain mendapat pandangan Peguam Negara mengenai prosedur bayaran balik GST.

- 5) Dalam mesyuarat prosiding berkenaan, Ahli-Ahli PAC Parlimen membangkitkan isu antaranya:-
- i) Kegagalan memasukkan kutipan GST ke dalam Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST;
 - ii) Penggunaan kuasa Menteri Kewangan di bawah Seksyen 54(5) Akta GST 2014;
 - iii) Penetapan pindahan kadar 35 peratus daripada kutipan hasil GST ke dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST;
 - iv) Tempoh masa memproses pembayaran balik GST;
 - v) Kemampuan kerajaan untuk membayar tuntutan RM19.4 bilion kepada pembayar cukai;
 - vi) Pengurusan aliran tunai;
 - vii) Permohonan bagi pembayaran tuntutan GST sejumlah RM19.4 bilion dari akaun hasil disatukan untuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST; dan
 - viii) Status tuntutan GST belum bayar.
- 6) Berdasarkan keterangan yang diberikan 10 saksi yang dipanggil menghadiri prosiding isu ini serta hasil taklimat Ketua Audit Negara dan pandangan Peguam Negara, PAC Parlimen merumuskan bahawa:-
- i) Seksyen 54(2) Akta GST 2014 dan Surat Ikat Amanah Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST yang bertarikh 13 Mac 2015, menetapkan semua kutipan GST hendaklah diakaunkan terlebih dahulu di dalam Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST. Peraturan 67 (1) Peraturan-peraturan GST 2014 pula memperuntukkan tempoh masa bagi pembayaran balik GST adalah 14 hari bekerja atau dalam tempoh yang praktik selepas Penyata GST- 03 diterima secara elektronik manakala bagi penyata yang diterima secara manual, pembayaran balik akan dibuat dalam tempoh 28 hari bekerja atau dalam tempoh yang praktik. Ini adalah untuk menjamin pembayaran balik GST dalam masa yang ditetapkan oleh undang-undang.

- ii) Kerajaan sebelum ini telah memasukkan semua hasil kutipan GST ke dalam Akaun Hasil Disatukan terlebih dahulu dan kemudiannya dipindahkan secara berperingkat apabila diperlukan dan seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pembayaran Balik GST ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST. Ini adalah tidak selaras dengan peruntukan Seksyen 54(2) dan Seksyen 54(5) Akta GST 2014.
- iii) Penetapan dasar untuk memindahkan 35% daripada jumlah kutipan hasil GST bagi setiap tahun dari Kumpulan Wang Disatukan ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST apabila diperlukan adalah tidak mencukupi untuk menampung permohonan pembayaran balik GST. Berdasarkan keterangan ketika prosiding, PAC Parlimen mendapati kadar penetapan dasar sewajarnya adalah sekurang-kurangnya 42%.
- iv) Tidak ada kehilangan wang dalam kutipan hasil GST. Hasil GST yang tidak dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST telah digunakan untuk tujuan membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Kerajaan sebelum ini telah terlebih anggar hasil GST bersih yang dikutip pada kadar 65% daripada jumlah kutipan hasil GST.
- v) Penangguhan pemindahan dana dari Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik GST dibuat untuk menjaga kedudukan aliran wang tunai negara supaya tidak berada di dalam keadaan defisit pengurusan di mana perbelanjaan mengurus tidak boleh melebihi hasil.
- vi) Kerajaan telah mengumumkan akan membuat pembayaran balik cukai GST dalam tahun 2019 dengan menggunakan sebahagian daripada dividen khas Petronas berjumlah RM30 bilion.

7) Berikutan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:-

- i) Pentadbiran Kerajaan perlu memastikan pematuhan penuh undang-undang negara khususnya dalam pelaksanaan tatacara kewangan supaya sistem pentadbiran kewangan lebih teratur dan berakauntabiliti.

- ii) Pegawai-pegawai Kerajaan yang telah diamanahkan perlu sentiasa menasihati pentadbiran Kerajaan tentang undang-undang, prosedur dan maklumat perangkaan tanpa perlu ada rasa gentar atau pilih kasih (*without fear or favour*) terutamanya dalam mengamalkan perancangan aliran tunai dan disiplin kewangan fiskal yang lebih berakauntabiliti.
- 8) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Tuntutan Tunggakan Bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion oleh JKDM di bawah Kementerian Kewangan boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Dr Noraini Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)
Parlimen Malaysia